

18 SEP 2003

Mahathir-Penghormatan/I

PM UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR LING

PUTRAJAYA, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini memberikan penghormatan kepada bekas Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kerana sumbangannya terhadap kemajuan sektor pengangkutan negara.

Perdana Menteri berkata pencapaian besar Dr Ling adalah menjadikan Malaysia sebagai pelabuhan persinggahan utama syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa.

"Saya benar-benar menghargai perkhidmatannya semasa berada di dalam kabinet. Beliau seorang menteri yang berkebolehan dan cemerlang semasa menjalankan tugas," katanya semasa berucap pada jamuan perpisahan khas buat Dr Ling di Seri Perdana di sini.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru balik dari lawatan ke China hari ini, isteri Dr Ling Datin Seri Ena Ling dan anggota-anggota Kabinet.

Dr Ling meletakkan jawatan selepas menerajui Kementerian Pengangkutan selama 17 tahun dan tempatnya digantikan oleh Datuk Chan Kong Choy (bekas timbalan menteri kewangan dan Presiden MCA) pada rombakan kabinet yang diumumkan Dr Mahathir pada 24 Jun lepas.

Dr Mahathir memuji Dr Ling, yang kebetulan menyambut hari jadinya yang ke-60 hari ini, kerana pendekatan terus yang diambilnya dalam mendapatkan pelanggan bagi pelabuhan-pelabuhan negara dan ia terhasil dengan peningkatan jumlah kontena yang kini dikendalikan pelabuhan negara.

"Ini satu sumbangan besar yang diberikan oleh Dr Ling kepada negara. Saya ingin mengucapkan tahniah kepadanya," katanya sambil menambah bahawa bekas menteri itu juga turut bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kejayaan lapangan-lapangan terbang negara.

Dr Mahathir berkata beliau pada mulanya menolak permintaan Dr Ling untuk melepaskan jawatan kerana berpendapat sumbangannya masih diperlukan.

Dr Ling turut meletak jawatan sebagai presiden MCA pada 23 Mei dan diganti oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau kemudian dilantik sebagai presiden seumur hidup kehormat MCA dan kini banyak memberi tumpuan kepada tugasnya sebagai pengerusi Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar).

Dr Mahathir berkata seseorang pemimpin itu tidak seharusnya memegang jawatan terlalu lama.

"Apabila kita mendapat tanda dan memahaminya, maka kita perlu menerima bahawa masanya telah tiba untuk kita berundur dan memberi laluan kepada orang lain," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa adalah wajar bagi mereka yang telah melepaskan jawatan untuk kembali menyokong pengganti mereka.

"Perjuangan kita berterusan kerana kita berlumba dengan negara-negara lain. Jadi kita perlu pastikan pengganti kita juga dapat melaksanakan semua program dan pembangunan negara," kata Dr Mahathir.

Dalam ucapan balasnya, Dr Ling berkata apa yang beliau kagum ialah betapa Kabinet begitu mesra perniagaan.

"Kami mahu memastikan perniagaan mudah dijalankan di sini agar semua pihak beruntung," katanya

Dr Ling juga memuji semua rakannya dalam Kabinet kerana cepat bertindak menyelesaikan sebarang masalah.

Beliau berkata selepas berkhidmat selama 27 tahun dalam kerajaan, beliau berasa begitu bangga dan gembira mengucapkan selamat tinggal.

Dr Mahathir dan para tetamu kemudian menyertai Dr Ling memotong kek hari jadinya.

-- BERNAMA

MAM MOZ